



**MULTAQA ULAMA SEDUNIA**  
**ملتقى العلماء العالمي**  
**WORLD CONFERENCE OF ISLAMIC SCHOLARS**  
Putrajaya, 10-12 Julai, 2003

**KERTAS KERJA XXI**

**Perbincangan Tentang Agama Dan  
Menolong Untuk Memperkuat  
Gerakan Keselamatan Antarabangsa**

Oleh:

Dr. Ahmed Jaballah

Putrajaya, Malaysia

12 Julai, 2003

# **Perbincangan Tentang Agama dan Menolong Untuk Memperkuat Gerakan Keselamatan Antarabangsa**

**Oleh Dr. Ahmed Jaballah**

Agama memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dahulu dan sekarang dan ianya telah terbukti dalam sejarah ketamadunan manusia. Pada setiap peringkat peralihan zaman, masyarakat manusia tidak pernah sunyi daripada menganuti pelbagai kepercayaan agama. Kepercayaan mereka itu pula datangnya dari pelbagai sumber yang tidak perlu dipertikaikan samaada daripada Tuhan ataupun berasaskan kepada perkara-perkara khurafat dan tahyul ciptaan manusia itu sendiri. Agama juga adalah satu kepercayaan yang lahir daripada perkara-perkara suci dan berbentuk kejiwaan, malah ianya adalah satu kepercayaan yang telah lahir seawal kejadian manusia lagi.

Pandangan Islam tentang perkara bertitik tolak pada dua perkara. Pertamanya, adalah menjadi sifat manusia dari sudut kejadiannya secara semulajadi bersedia untuk menerima sebarang pegangan agama samaada datang dari langit atau rekaan manusia. Selaras dengan keperluan dalaman jiwa manusia yang tidak boleh dinafikan lagi. Al-Quran juga telah menyatakan bahawa manusia yang dari segi lahirnya tidak mempercayai sebarang pegangan agama pada hakikatnya mereka juga mempunyai pegangan iaitu hawa nafsu mereka sendiri sebagaimana yang telah ditegaskan di dalam al-Quran;

*“Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya dan Allah membiarkannya sesat berdasarkan ilmunya dan Allah telah mengunci mati pendengaran dan hatinya dan meletakkan tutupan atas penglihatannya? Maka siapakah yang akan*

*memberinya petunjuk sesudah Allah (membiarkannya sesat). Maka mengapa kamu tidak mengambil pelajaran?"*

*(Al-Jasiah: 23)*

Setiap manusia perlulah memperakui bahawa dengan adanya agama ia menjadi sebagai satu pegangan dan cara hidup. Hakikat ini berasaskan apa yang telah diceritakan di dalam al-Quran bahawa Allah S.W.T. telah mengutus RasulNya untuk menyampaikan ajarannya kepada setiap umat manusia sesuai dengan sifat keadilanNya yang mewajibkan manusia supaya beriman melalui cara melaksanakan segala tuntutan tersebut. Ini disebut dalam firman Allah S.W.T.;

*"Sesungguhnya kami mengutus kamu dengan membawa kebenaran sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan. Dan tidak ada suatu umat pun melainkan telah ada padanya seorang pemberi peringatan".*

*(Faathir: 24)*

Melihat kepada faktor agama yang telah wujud sejak awal kejadian manusia lagi, ia berperanan sebagai pendorong yang kuat dalam setiap sudut kehidupan manusia. Ia juga mempengaruhi pemikiran dan perasaan serta memimpin kearah kemajuan. Apabila kita ingin mengetahui pendirian Islam dalam perbahasan agama secara ringkas, kita hendaklah melihat kepada dua ayat di dalam al-Quran.

Ayat yang pertama iaitu firman Allah S.W.T.

*"Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada diantara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi ia hendak (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu berbuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya".*

*(Al-Maidah: 48)*

Ayat ini menerangkan kepada kita beberapa asas perbincangan. Islam itu datang melalui al-Quran yang menyokong kitab-kitab terdahulu sekaligus berperanan sebagai penguat hujah yang menyatakan agama itu adalah datangnya dari sumber yang satu. Islam itu bolehlah dianggap nadi kepada semua agama kerana apa yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada nabi-nabinya bertindak menyokong dan menyempurnakan apa yang sebelumnya sekalipun terdapat perbezaan hukum mengikut kesesuaian zaman dan tuntutan semasa.

Sumber yang menyatakan al-Quran itu adalah pelengkap kepada kitab-kitab yang terdahulu menuntut Muslim supaya melihat kepada titik-titik persamaan terlebih dahulu sebelum melihat kepada titik-titik perbezaan dalam setiap perbincangan dengan bukan Muslim. Ini semua telah ditekankan oleh al-Quran yang sering mengambil berat tentang usaha-usaha penyatuan berbanding perbezaan.

Sokongan kepada kitab-kitab terdahulu dalam perkara-perkara yang dipersetujui bersama mewujudkan bahawa asas-asas kesatuan antara agama itu juga adalah sama. Ini diperkuatkan lagi dengan kata-kata Syeikh Tahir Ibn Asyir dalam tafsirnya:

*“Sokongan sesuatu syariat terhadap syariat yang lain boleh membawa kepada penerimaan yang lebih mudah, malah menunjukkan bahawa hukum itu adalah dari kehendak Allah S.W.T, bahkan kemaslahatan dirujuk kepada setiap umat tanpa mengira perbezaan kaum mahupun zaman.”*

Penafsiran al-Quran tentang maksud “*Muhaiminan*” yang membawa maksud membetulkan, disamping perkataan “*Al-Tasdiq*” yang membawa maksud sokongan, menunjukkan bahawa al-Quran itu adalah merupakan sumber rujukan agama-agama samawi sebagaimana ianya adalah kitab yang terakhir yang telah diturunkan. Perkara ini telah diterima oleh umat Islam berbanding pada mereka yang bukan Islam.

Masalah ini perlu diberi penerangan agar tidak menimbulkan kekeliruan akan perbezaan tersebut. Usaha itu perlu untuk menyelaraskan apa yang telah ditegaskan bahawa kitab-kitab yang diturunkan itu adalah datangnya dari Allah S.W.T. sekaligus menafikan percanggahan sebagaimana firman Allah S.W.T.;

*“Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya”.*

*(An-Nisa’: 82)*

Ayat yang kedua menentukan titik tolak asas dalam perbahasan antara agama ialah firman Allah S.W.T.:

*“Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang yang zalim antara mereka, dan katakanlah: ‘Kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu, Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu, dan kami hanya kepadaNya berserah diri”.*

*(Al-An’kabut: 46)*

Kefahaman ayat ini membawa kita kepada dua asas penting dalam perbincangan antara agama.

Permulaan ayat tersebut menekankan tentang konsep perbincangan yang patut kita lakukan apabila kita berhadapan dengan golongan yang bukan muslim iaitu dengan sikap lemah lembut dan gaya yang paling terbaik. Dengan itu akan memudahkan urusan kearah membincangkan apa yang lebih berat dan mendalam, berbeza dengan gaya yang menekankan isu-isu berat atau lebih kepada mempertahankan hujah yang akan hanya membawa kepada perselisihan pendapat dan menunjukkan sikap tidak minat mendengar walau sehebat manapun hujah yang diberikan. Mereka juga akan mula mempertahankan hujah hingga boleh membawa kepada hilangnya rasional dan sifat adil. Ini semua adalah perkara biasa yang ada pada sifat manusia. Untuk mengelak dan mencari jalan keluar dari masalah tersebut al-Quran telah mengarahkan orang Islam agar tidak mencaci tuhan mereka hingga membawa kepada tindakbalas mencaci Allah S.W.T. pula.

*“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan”.*

*(Al-An’am: 108)*

Syeikh Ibn Asyir menafsirkan ayat ini dengan kata-kata cacian terhadap tuhan mereka hingga menimbulkan kemarahan seakan menafikan kehendak Allah yang sebenar dalam suruhan berdakwah. Allah S.W.T. telah berkata kepada Rasulnya, *“Dan serulah mereka dengan sebaik-baik cara”*. Allah juga pernah berkata kepada Musa a.s., *“Katakanlah kepadanya dengan perkataan yang lembut”*.

Jelas di sini cacian itu menyalahi maksud perutusan rasul malah hanya akan merosakkan hubungan dan bercanggahan masalah seperti yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T.;

*“Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang yang zalim antara*

*mereka, dan katakanlah: 'Kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu, Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu, dan kami hanya kepadaNya berserah diri'.*

*(Al-An'kabut: 46)*

Firman Allah tersebut mengajar Muslim supaya berbincang dengan golongan bukan Muslim dalam perkara-perkara yang dipersetujui bersama. Dengan cara itu, ia mampu menghantar mesej kepada mereka bahawa perbezaan itu tidak penting bahkan terdapat perkara-perkara yang boleh disepakati.

Perkara ketiga yang telah dinyatakan dalam ayat di atas ialah keimanan kepada wahyu yang diturunkan sebagai sumber semua agama samawi. Tuhan hanyalah satu. Semua penganut haruslah tunduk dan taat menyembahnya. Mereka tidak perlu kepada perkara-perkara yang lebih terperinci dalam agama tersebut. Perbezaan itu sekalipun dianggap berat seperti masalah 'Konsep Trinity' yang diperselisihkan oleh Muslim dan Kristian tidak bermakna kita harus melupakan keimanan kepada Allah sebagai Pencipta, Pentadbir, dan tuhan yang disembah.

Satu perkara penting yang diajar oleh Allah S.W.T ialah, persepакatan antara manusia bukanlah meliputi semua perkara bahkan pada perkara-perkara tertentu sahaja. Manakala perbezaan pula adalah pendorong mereka untuk saling mengenali antara satu sama lain. Perkenalan tersebut sesuai dengan fitrah semulajadi mereka yang suka melihat dan mengetahui perbezaan itu.

Pengharaman bunuh yang masyhur dikalangan agama boleh mewujudkan keamanan serta menjamin hak individu untuk hidup bebas. Namun bagi sesetengah golongan yang mengagungkan permusuhan sesama manusia adalah terpesong dari ajaran agama yang menggalakkan sikap berbaik-baik dan bergaul sesama manusia. Pendirian yang sebegitu akan hanya mengelirukan pemahaman orang lain terhadap agama yang sama sekali berlainan dengan apa yang dibawa oleh mereka. Sesetengah manusia memang bersikap zalim dan tidak adil hingga menuntut pihak lain agar mempertahankan apa yang mereka miliki. Ini haruslah dilihat melalui pendekatan yang berbeza. Hakikatnya hubungan antara manusia iu adalah berasaskan silaturrahim dan bertolongan bukan berdendam dan bermusuhan.

Daripada sini kita harus memahami konsep sebenar "jihad" sebagaimana yang telah didatangkan didalam al-Quran. Himpunan ayat-ayat yang membahaskan tentang hal itu haruslah dirujuk kepada ayat yang lebih menyeluruh seperti dalam firman Allah S.W.T.;

*"Dan perangilah (kerana menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh".*

*(Al-Baqarah: 190)*

“Jihad” yang disyariatkan dalam Islam ialah apa yang dilihat sebagai menolak permusuhan dan kezaliman atau dalam istilah yang lebih popular disebut “mempertahankan diri”. Oleh itu Islam menentukan peperangan hanya akan berlaku apabila berada dalam keadaan tertekan dan hendaklah didahulukan usaha diplomasi sebagai menolak permusuhan. Ketentuan perang pula adalah ditangan kerajaan yang memerintah sebagaimana yang telah diterangkan oleh ulama yang diiktiraf. Kuasa tidak ditentukan ditangan individu atau kumpulan tertentu, malah dalam usaha-usaha diplomasi haruslah berteraskan prinsip yang mana sekiranya terdapat ruang perdamaian, haruslah perdamaian itu didahulukan berbanding perang, sesuai dengan firman Allah S.W.T.;

*“Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Ia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.*

*(Al-Anfal : 61)*

Rasa hormat dan menyayangi kehidupan adalah salah satu dari Syariat Islam seperti yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T.;

*“Memelihara jiwa adalah antara asas yang terpenting dalam syariat Islam. Itu semua boleh didapati dalam penghayatan al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasulnya seperti firman Allah S.W.T.”*

*(Al-Maidah : 32)*

Kebanyakan agama telah menitikberatkan nilai-nilai akhlak seperti adil dan sikap tolong-menolong serta mencegah daripada kezaliman dan permusuhan. Nilai itu dikaitkan pula dengan keimanan terhadap perkara-perkara ghaib, yakin terhadap suruhan Allah S.W.T. supaya beribadat kepadaNya serta mendekatiNya dengan melaksanakan apa yang telah diwajibkan. Allah S.W.T. juga menyuruh kita agar bersifat belas kasihan sesama makhluk yang boleh membawa kepada keredhaanNya.

Dengan melabelkan tindakan permusuhan sebagai pendirian agama adalah satu percanggahan yang tidak boleh diterima sama sekali. Bagaimana mungkin sesebuah agama yang menggalakkan persaudaraan dan tolong menolong menyeru pula kearah permusuhan dan pergaduhan.

Setiap manusia beranggapan bahawa penentangannya terhadap orang lain adalah bertujuan memelihara nilai dan maruah diri, atau ianya bersifat mempertahankan diri dari serangan orang lain.

Apabila kita menghayati konsep tersebut, kita akan dapati bahawa perkara utama daripada pertelingkahan itu adalah untuk menyelesaikan kemelut kezaliman yang akan lahir daripada serangan musuh. Dengan kata lain; pertahankanlah diri agar selamat

dari masalah kezaliman. Ini telah dijelaskan melalui rasional perhubungan sesama manusia itu yang akan mempertahankan diri masing-masing, tetapi konsep mempertahankan diri itu haruslah sesuai dengan situasi dan etika sebagaimana yang telah dibahasakan sebelum ini.

Perhatian terhadap nisbah salah faham sesetengah pihak dalam ilmu agama mereka sebagaimana yang terjadi, Islam sering dituduh dan dipertanggungjawabkan dengan tindakan ganas sesetengah daripada penganutnya. Andai diturutkan kaedah tersebut, nescaya semua agama akan terlibat dengan pertuduhan itu, kerana semua penganutnya pernah terlibat dengan tindakan ganas. Oleh itu, agama haruslah dinilai daripada ajaran dan rukun-rukun asas, tidaklah hanya kepada tindakan sesetengah penganutnya yang sentiasa melakukan kesilapan. Menjauhi kata-kata yang berunsur memperlekehkan golongan yang berbeza ilmu dan agamanya, malah hendaklah diselang-selikan melalui perbahasan ilmiah. Kerana setiap agama pasti memiliki hujah dan pendapat yang berbeza tentang agama pihak yang lain. Perbahasan haruslah beralaskan sifat semulajadi manusia yang dijadikan dari berbagai bangsa dan kaum. Ini boleh membawa kepada keterbukaan minda tentang apa yang berkisar dalam agama dan budaya masing-masing. Mungkin akhirnya akan membawa kepada kerelaan dan keyakinan terhadap hakikat sesuatu perkara.

Adalah penting untuk melihat kepada sebab-sebab yang mendorong sesetengah pihak cenderung untuk memilih keganasan. Kajian itu tidak bermakna mengiktiraf kesilapan mereka, tetapi boleh menunjukkan kepada kita hakikat sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kemarahan mereka samaada yang berbentuk perbuatan ataupun perkataan.

Itulah antara cadangan dan jaminan yang boleh membantu mengurangkan perbalahan antara sesama manusia dengan menjadikan agama sebagai faktor yang berperanan mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dunia.